

WAR 16 SEJAUHMANA PERMASALAHAN AKHLAK DALAM KELOMPOK MASYARAKAT ISLAM MALAYSIA MAMPU DITANGANI? SATU SOROTAN DAN CADANGAN AWAL

**Norashikin binti Azmi, Azizah binti Mat Rashid, Dr. Nor ‘Adha binti Abd Hamid,
Norul Huda binti Bakar, Dr. Tg. Elmi Azlina binti Tg Muda**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

puan_shikin@yahoo.com, azizahrashid@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my,
norulhuda@kuis.edu.my, elmiazlina@ukm.edu.my

ABSTRAK

Tahun 2015 menandakan genap 58 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan dan seharusnya semakin matang. Seantero dunia telah menjadi saksi akan kemajuan Malaysia dari pelbagai aspek. Namun begitu, seiring dengan perkembangannya isu akhlak dalam kalangan remaja adalah satu fenomena yang semakin ketara dan membimbangkan. Menyumbang kepada khazanah ilmu, kertas kerja ini memfokuskan perbincangan berbentuk satu sorotan mengenai permasalahan akhlak yang semakin menular dan berleluasa dalam masyarakat, khususnya sekelompok masyarakat Islam, terutamanya yang berlaku dalam kalangan para remaja Islam yang semakin membimbangkan. Kupasan kertas kerja merangkumi beberapa peruntukan Undang-Undang bagi kesalahan Jenayah Syariah meliputi bentuk hukuman/denda dan beberapa kategori kesalahan Jenayah Syariah tersebut yang diperuntukkan di bawah Enakmen/Akta Jenayah Syariah di negeri di Malaysia. Kertas kerja ini bersifat sorotan semula kepada permasalahan yang semakin berlarutan dan kupasan beberapa cadangan menangani permasalahan tersebut bagi memberi laluan awal kepada kajian yang lebih terperinci oleh penyelidik.

Kata Kunci: Masalah Akhlak, Undang-undang Jenayah Syariah, Kesalahan Akhlak, Isu Akhlak, Hukuman

PENGENALAN - TAKRIF AKHLAK

Akhlik ialah kata nama yang bersifat *jama'* atau *plural* yang berasal dari *khuluq*. *Khuluq* bermaksud karakter atau peribadi semulajadi. Manakala akhlak bermaksud moral, etika yang mempunyai maksud yang baik. Kamus Dewan (2005:25) menjelaskan akhlak sebagai budi pekerti, kelakuan dan tingkah laku. Pengertian akhlak dari segi bahasa, ialah kata *jama'* daripada *al-Khuluq*. Ibn al-Manzur dalam *Lisan al-Arab* (1992: 140) menyatakan bahawa akhlak bermakna tabiat atau watak. Akhlak turut bermaksud maruah, *al-Din* atau fitrah menurut al-Zawi dalam *Tartib al-Qamus al-Muhith* (1992:100). Pada hakikatnya, akhlak adalah penyifatan tentang gambaran batin seseorang. Gambaran jiwa, ciri-cirinya dan kandungannya yang tersendiri. Akhlak ini mencerminkan lahiriah, sifat seseorang dan segala kandungan sifat itu. Gambaran ini sama ada yang zahir atau batin boleh disifatkan dengan sifat yang terpuji dan sebaliknya yang tercela.

Akhlik juga merupakan cermin dan peribadi seseorang individu. Oleh itu, akhlak sangat penting dalam kehidupan sehari-hari seseorang individu. Individu yang mempunyai akhlak yang baik akan dipandang mulia dan tinggi, manakala individu yang tidak mempunyai akhlak yang baik akan dipandang serong dan dicemuh oleh masyarakat sekeliling. Akhlak yang baik

seharusnya dihiasi dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Islam meletakkan agama sebagai payung kepada semua aspek kehidupan dan menjadi tunjang kepada akhlak dan moraliti (Bello, 2001; Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1990). Oleh itu pemikiran akhlak dan moral orang Melayu seharusnya dilihat berdasarkan kepada kepercayaan agama yang merentasi domain yang lebih luas selari dengan falsafah ad-Din dalam Islam (Islam: satu cara hidup; *Islam: a way of life*).

Akhlik juga merupakan salah satu dari tiga kerangka dasar utama dalam ajaran Islam, mempunyai kedudukan yang sangat penting dan merupakan hasil dari proses penerapan akidah dan pelaksanaan syariah. Akhlak akan terwujud pada diri jika memiliki aqidah dan syariah yang baik dan sebaliknya.

Tujuan nabi Muhammad SAW diutuskan di muka bumi ini juga adalah untuk menyempurnakan akhlak mulia, di tengah-tengah masyarakat yang penuh kejihilan yang kemudiannya berjaya direalisasikan sepenuhnya selepas menjangkaui 23 tahun. Perkataan akhlak yang berasal dari bahasa Arab al-akhlaq (tabiat, perangai, dan kebiasaan) Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam (68): 4 yang bermaksud “*Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung*”. Selain itu Sabda Rasulullah saw yang bermaksud: “*Sesungguhnya aku hanya diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”. (HR. Ahmad). (Sunan Kubra Lil Baihaqi, Juz 10, h. 192)

PERMASALAHAN KAJIAN

Ahli psikologi remaja menjelaskan remaja adalah bersifat biologikal dan sosial. Permulaan peringkat remaja dapat dikesan dengan perubahan biologi dalam kalangan kanak-kanak. Sebenarnya pertumbuhan mendadak pra remaja berlaku sebelum akil baligh. Hurluck (1973: 2) dalam bukunya “Adolescent Development” menyatakan perkataan ‘adolescent’ berasal dari perkataan Latin ‘adolescere’ yang membawa maksud untuk meningkat dewasa. Remaja ialah tempoh perpindahan apabila berlaku perubahan individu secara fizikal dan psikologi dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Medinnus dan Johnson (1976: 442) pula menyatakan masa remaja menurut ahli psikologi ialah bermula apabila seseorang mula menunjukkan tanda-tanda kematangan seks untuk menunjukkan kedua-dua perkembangan fizikal dan sosial. Perkembangan ini akan terhenti apabila seseorang individu itu telah menganggap dirinya memiliki ciri-ciri kedewasaan dan menerima cara hidup sebagai seorang dewasa melalui individu dicontohnya.

Manakala jika dilihat dari perspektif perundangan Malaysia, tiada istilah khusus mengenai remaja yang dinyatakan. Namun, terdapat beberapa akta yang berkaitan dengan umur golongan ini. Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 menyatakan bahawa kanak-kanak ialah berumur lapan belas ke bawah. Manakala Akta Mahkamah Juvana 1947 mentakrifkan kanak-kanak sebagai mereka yang berada di bawah umur 18 tahun ke bawah. Manakala Akta Pekerjaan Kanak-Kanak dan Orang Muda 1996 mendefinisikan kanak-kanak sebagai mereka yang berada dalam lingkungan 10 hingga 14 tahun. Manakala orang muda ialah yang bukan lagi kanak-kanak tetapi belum mencapai umur 16 tahun. Akta Kanak-Kanak 2001, Seksyen 2(a) mentakrifkan kanak-kanak sebagai individu yang berumur 18 tahun ke bawah.

Masalah kesalahan akhlak para remaja terutama di negara kita telah menjadi semakin serius dan kian meningkat. Mereka ini bukan sahaja mengalami kesalahan akhlak seperti budaya lepak, ponteng sekolah, pergaduhan dan budaya samseng, menyamun, merompak, peras ugut, merogol, kegiatan rumah urut, pelacuran dan penagihan dadah tetapi turut melibatkan pengabaian akhirat secara khusus seperti tidak solat lima waktu, meninggalkan puasa di bulan

Ramadhan, penzinaan, arak, berjudi, budaya seks rambang dan sumbang mahram, budaya gay, lesbian dan penkid, mengandung, melahirkan anak luar nikah serta sanggup pula membunuh anak-anak luar nikah itu dan juga budaya murtad.

Isu-isu ini telah melibatkan semua golongan remaja sama ada yang menganggur, pelajar di peringkat sekolah, pelajar institut pengajian tinggi, kakitangan kerajaan dan swasta bahkan ahli-ahli perniagaan. Saban hari akhbar akan memaparkan dengan berita-berita kesalahan akhlak para remaja dengan pelbagai kisah dan kejadian. Contohnya, kisah yang dilaporkan oleh akhbar Utusan Melayu bertarikh 21 Januari 2014 berkaitan kes seorang gadis tergamak membungkus mayat bayi luar nikah yang dilahirkan dengan plastik sebelum membuangnya ke dalam tong sampah di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh, Pahang, kes ponteng sekolah dan budaya lepak di kafe siber yang melibatkan 16 orang pelajar Tingkatan Satu di Kajang, Selangor dan kes-kes kelahiran anak luar nikah malahan sanggup pula membunuhnya yang kian menjadi-jadi kebelakangan ini sehingga memaksa kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat melancarkan kempen ‘Kami Prihatin’ pada 8 April 2010 lalu bagi membendung dan mengatasi masalah ini.

Berdasarkan statistik Salah Laku Remaja daripada Ibu Pejabat Kontinjen Polis Selangor sebanyak 402 orang terdiri daripada remaja Melayu, 54 orang remaja bangsa Cina, 311 orang remaja bangsa India dan 46 orang remaja lain-lain bangsa (Statistik IPK Selangor, 2012: 7 Oktober 2013). Ini menunjukkan bilangan remaja Melayu melebihi remaja lain yang terlibat dengan salah laku. Sementara itu, statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh Kementerian Pelajaran (Berita Harian, Ogos 22:2013) dalam tempoh 5 tahun (2008 – 2012) menjangkau 107,191 salah laku merangkumi 10 jenis kesalahan. Sebanyak 17,343 daripadanya adalah kesalahan ponteng sekolah, 14,321 daripadanya adalah kesalahan berunsurkan jenayah dan 14,298 daripadanya adalah kesalahan merokok.

Demikian juga dengan kesalahan akhlak sosial dalam kalangan remaja di negara kita pada hari ini juga dilihat semakin kritikal walaupun terkawal yang mana hampir setiap hari kita akan didedahkan dengan salah laku remaja terutama daripada sekecil-kecil kesalahan sehinggalah kesalahan yang melanggar sistem perundangan negara. Sering juga didedahkan dengan pelajar tidak berdisiplin di sekolah dan luar sekolah, terbabit dengan aktiviti ponteng, buli, merokok, dadah, tidak menghormati guru, vandalisme, merempit, seks bebas, buang bayi dan ada juga sebilangan kecil yang terbabit dengan aktiviti jenayah seperti mencuri, merompak dan sebagainya (Mohamed Sofee Razak 2013: 35).

KESALAHAN DI BAWAH ENAKMEN ATAU AKTA JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Secara umumnya, kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan adalah terlalu sedikit dan amat terhad termasuk peruntukan hukumannya. Hukuman yang diperuntukkan hanyalah merangkumi takzir iaitu penjara, denda atau sebatan. Peruntukan ini boleh dilihat dalam beberapa enakmen negeri-negeri seperti Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 dan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (pindaan) (Kelantan) 1986. Bagi negeri yang masih tidak mempunyai enakmen jenayah syariah, peruntukan kesalahan terdapat di dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri masing-masing. Selain daripada itu terdapat juga kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan di bawah enakmen undang-undang keluarga Islam bahagian iv dan x yang dikenali sebagai kesalahan matrimoni seperti Enakmen Undang-undang Keluarga

Islam (Selangor) 2003, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003¹.

Kesalahan di bawah enakmen atau Akta Jenayah syariah:

- i) Kesalahan yang berhubung dengan akidah;
- ii) Kesalahan berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya;
- iii) Kesalahan berhubung dengan rukun Islam, arak, judi dan kesusilaan;
- iv) Kesalahan seksual;
- v) Kesalahan berhubung dengan kesejahteraan orang lain;
- vi) Kesalahan Pelbagai.

- **Kesalahan Berhubung Dengan Akidah**

Seksyen 4-8 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan seksyen 3-6 Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan kesalahan berhubungan dengan akidah yang merangkumi pemujaan², mendakwa orang bukan Islam untuk mengelakkan tindakan³, takfir atau mengatakan mana-mana orang Islam adalah kafir⁴, doktrin palsu⁵ dan dakwaan palsu⁶. Terdapat beberapa kes yang dilaporkan di dalam Jurnal Hokum seperti Pendakwa Mahkamah Syariah Perak v Shah Pandak Othman (1991) 8 JH 99 dan Akbar Ali v Majlis Agama Islam (1996) 10 JH 197.

- **Kesalahan Berhubung Dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya**

Seksyen 9-16 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 memperuntukkan kesalahan ini yang terdiri daripada mempersendakan al-Quran atau Hadis, menghina atau menyebabkan pandangan hina terhadap Islam yang masing-masing jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan memusuahkan atau mencemarkan tempat beribadat jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman. Kesalahan menghina pihak berkuasa Agama, pendapat bertentangan dengan Fatwa, mengajar tanpa tauliah, mengingkari perintah mahkamah dan penerbitan agama bertentangan dengan Hukum Syarak, mereka yang disabitkan bersalah boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

- **Kesalahan Berhubung Dengan Rukun Islam, Arak, Judi dan Kesusilaan**

Seksyen 17-21 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan kesalahan jenayah syariah seperti berjudi yang membawa hukuman boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, minum-minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan yang hukumannya boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya⁷, tidak menghormati ramadhan hukumannya boleh didenda tidak melebihi seribu

¹ Penulis akan merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 sebagai rujukan utama di dalam artikel ini. Rujukan kepada enakmen atau akta negeri-negeri yang lain akan dirujuk secara sampingan.

² Boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

³ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

⁴ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

⁵ Boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau disebat tidak melebihi enam rotan atau kombinasi mana-mana hukuman.

⁶ Boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

⁷ Pendakwa Syarie Kelantan v Yusundy Josan (1994) 9 JH 206

ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya⁸, tidak menunaikan solat jumaat hukumannya boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan tidak membayar zakat atau fitrah hukumannya ialah boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan melibatkan kesusilaan, seksyen 30 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan kesalahan lelaki berlagak perempuan dan seksyen 31 kesalahan perbuatan tidak sopan di tempat awam⁹ yang mana kedua-duanya memperuntukkan hukuman boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

• Kesalahan Seksual

Terdapat sepuluh jenis kesalahan yang diperuntukkan di bawah Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 iaitu perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, hubungan jenis antara orang yang sama jantina, persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii, khalwat, lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

BIL	JENIS KESALAHAN
i.	<u>Persetubuhan luar nikah</u> Kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang melakukan persetubuhan atau hubungan kelamin dengan pasangannya yang bukan isterinya atau suaminya yang sah menurut syarak dan tidak terbukti mengandungi unsur paksaan ataupun persetubuhan syubhah. Hukuman yang dikenakan adalah didenda sebanyak lima ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun ataupun disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun kombinasi hukuman-hukuman tersebut ¹⁰ .
ii.	<u>Perbuatan sumbang mahram</u> Hukuman kesalahan ini adalah didenda tidak melebihi lima ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun dihukum dengan kombinasi hukuman itu ¹¹ .
iii.	<u>Pelacuran</u> Kesalahan pelacuran bermakna mana-mana individu yang melacurkan dirinya ataupun melacurkan atau membenarkan atau menyebabkan anak-anak atau isterinya ataupun kanak-kanak yang dalam jagaannya ¹² . Mana-mana orang yang terbukti melacurkan diri akan di denda tidak melebihi lima ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun kombinasi ¹³ .
iv.	<u>Muncikari</u> Kesalahan muncikari bermakna seseorang yang telah bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi mencapai apa-apa tujuan yang menyalahi Hukum Syariah ¹⁴ . Mana-mana orang yang terbukti sebagai

⁸ Lihat Abd Rahman & Anor v Pendakwa Hal Ehwal Terengganu (1994) 10 JH 121.

⁹ Lihat Pendakwa Syarie Selangor v Fahyu Hanim, Noni Mohamad dan Sharina Shaari, Jurnal Syariah 8:1 (2000) 137-155

¹⁰ Seksyen 25 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Lihat Pendakwa Syarie Perak v Jaffary dan Hasliza (1991) 8 JH 105

¹¹ Seksyen 22, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹² Seksyen 23 (2), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹³ Seksyen 23 (2), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹⁴ Seksyen 2 (Tafsiran) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

	muncikari akan didenda tidak melebihi lima ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun kombinasi ¹⁵
v.	<u>Perbuatan sebagai persediaan untuk persetubuhan luar nikah</u> Kesalahan yang disebutkan sebagai perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah dan mana-mana orang yang terbukti bersalah akan di denda tidak melebihi lima ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun kombinasi ¹⁶ .
vi.	<u>Khalwat</u> Mana-mana orang yang terbukti berkhawat akan didenda tidak melebihi tiga ribu atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali ¹⁷ .
vii.	<u>Hubungan jenis antara orang sama jantina</u> Hubungan sejenis antara orang yang sama jantina. Bagi sesama lelaki disebut sebagai liwat dan bagi sesama wanita disebut sebagai musahaqah. Mana-mana orang yang terbukti melakukan hubungan jenis antara orang sama jenis akan di denda tidak melebihi dua ribu atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya ¹⁸ .
viii.	<u>Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii</u> Mana-mana orang yang terbukti melakukan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii akan di denda tidak melebihi lima ribu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan ataupun kombinasi ¹⁹ .

Sumber: Akta Jenayah Syariah (Selangor) 1995

- **Kesalahan Berhubung Dengan Kesejahteraan Orang Lain**

Seksyen 32 Akta Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan kesalahan memujuk lari perempuan bersuami di mana hukumannya boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, seksyen 33 menghalang pasangan hidup suami isteri yang boleh membawa hukuman boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan seksyen 34 menghasut suami isteri supaya bercerai atau mengabaikan tanggungjawab dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

- **Kesalahan Pelbagai**

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 juga memperuntukkan beberapa kesalahan lain iaitu menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam²⁰, Qazaf²¹, Pemungutan Zakat atau Fitrah Tanpa Diberi Kuasa²² dan Penyalahgunaan Tanda Halal. Bagi penyalahgunaan tanda halal, seksyen 38 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan mana-mana orang yang mempamerkan pada atau berkenaan dengan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak

¹⁵ Seksyen 24 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹⁶ Seksyen 26 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹⁷ Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹⁸ Seksyen 27 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹⁹ Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

²⁰ Seksyen 35 dan hukuman boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

²¹ Seksyen 36 dan hukuman boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya

²² Seksyen 37 dan hukuman boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Lihat *Pendakwa Syarie Johor v Abd Talib Harun (1996)* 10 JH 150

melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya. Menariknya di Sabah terdapat peruntukan tambahan kesalahan iaitu menyembelih tanpa kebenaran Majlis di bawah seksyen 59 (6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 yang menyatakan bahawa sesiapa yang menyembelih apa-apa binatang halal untuk tujuan jualan tanpa mendapat kebenaran atau perakuan bertulis dari Majlis adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

ISU KEMAKSIATAN DAN PELBAGAI KESALAHAN AKHLAK DI MALAYSIA

“...saya mahu setiap rakyat Malaysia mempunyai modal insan iaitu personaliti yang tinggi hemahnya, tinggi budinya, tinggi pengajiannya, tinggi kejayaannya dalam apa juga bidang yang diceburi, hatta menjadi seorang yang gemilang. Ini kerana, anak kunci kecemerlangan ialah disiplin dan jati diri seseorang individu. Ini akan mendorong kecemerlangan diri, keluarga, masyarakat dan negara.”.

Sumber: Ucapan Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 2005

Begitulah tingginya harapan dan hasrat yang digagaskan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia melalui kata-kata dan ucapannya. Namun begitu setelah 58 tahun merdeka, adakah jiwa raga, minda dan tingkah laku rakyat Malaysia benar-benar merdeka? Saban hari isu-isu gejala sosial yang membabitkan gadis remaja hangat diperkatakan. Hal ini secara tidak langsung turut menggambarkan bahawa gadis remaja kini semakin agresif, berani dan liar. Banyak kajian akademik telah dibuat oleh mereka yang pakar dan terlibat secara langsung dengan isu-isu remaja secara langsung dan tidak langsung seperti pihak kementerian, jabatan, agensi, persatuan dan NGO, pihak cerdik pandai, orang perseorangan dan lain-lain.

Dalam agama terdapat dalil-dalil yang telah dinyatakan secara jelas dalam Al-Quran dan Al-hadis tentang larangan dari melakukan kesalahan akhlak. Ini berdasarkan kepada beberapa nas qat'i seperti surah al-Isra ayat 32. Firman Allah SWT

سَبِيلًا وَسَاءَ فَاجْحَشَةً كَانَ إِنَّهُ الرَّبُّا تَقْرُبُوا وَلَا

“Kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk”.

Antara nas-nas Syarak lain adalah firman Allah SWT (Surah al-An'am 6:15):

عَظِيمٌ يَوْمٌ عَذَابٌ رَّبِّيْ عَصَيْتُ إِنْ أَخَافُ إِنِّيْ فَلْ

“Katakanlah: “Sesungguhnya Aku takut jika aku derhaka kepada Tuhan, (akan dikenakan) azab hari yang besar (hari kiamat)”.

Ayat di atas jelas mengharamkan segala kejahatan sama ada secara zahir dan kesalahan akhlak adalah salah satu bentuk kejahatan yang dimurkai Allah. Islam melarang keras perbuatan kesalahan akhlak kerana ia boleh menimbulkan masalah keturunan, menghancurkan rumah tangga, meretakkan hubungan, meluaskan pelbagai penyakit berunsur pembawaan hasil hubungan/perlakuan seksual bebas seperti *siplis* dan kejahanan nafsu. Justeru, apa sahaja perkara yang membangkitkan kesalahan akhlak dan membuka pintu maksiat yang mendorong mereka melakukan perbuatan keji dilarang oleh Islam.

Selain itu, masyarakat kini sangat tertekan dalam semua aspek kehidupan kerana berlakunya penularan akhlak keji dan buruk yang terlalu berleluasa. Hal ini telah meletakkan kestabilan

dan masa depan negara kian terancam kerana majoriti akhlak buruk ini melibatkan anak-anak remaja yang bakal menjadi pemimpin negara satu masa nanti. Masalah ini perlu diatasi segera terutama melalui langkah awal iaitu menyekat dan menghapuskan penularan akhlak keji ini sebelum langkah seterusnya iaitu memupuk nilai akhlak mulia di kalangan para remaja. Strategi serampang dua mata ini dilihat sebagai pendekatan dakwah terbaik yang wajib dilakukan kini demi ‘survival’ agama, bangsa dan negara tercinta.

SEJAUHMANA PERMASALAHAN AKHLAK SEMASA MAMPU DITANGANI?

Demi membendung gejala ini, semua pihak seharusnya terpanggil untuk membantu pihak berwajib dengan berbagai bentuk bantuan dan sokongan. Sementara pihak berwajib seharusnya memberikan komitmen yang jitu dalam menyokong dan memudahkan usaha-usaha penambahbaikan tersebut seperti penyediaan pelbagai prasarana dan bantuan teknikal berkaitan. Antara perkara yang boleh difikirkan bersama oleh pihak yang berwajib dan masyarakat yang menginginkan kesejahteraan dalam institusi kekeluargaan dan bermasyarakat adalah beberapa perkara berikut:

- 1) Memastikan institusi pendidikan Malaysia menerapkan dengan kaedah yang lebih berkesan tentang nilai-nilai murni akhlak dan kepentingannya dalam kehidupan kepada setiap anak didik yang bakal menjadi anggota masyarakat yang lebih besar sebagai pelajar, pekerja, pemimpin dan sebagainya dan hidup dalam masyarakat. Pengembangan idea, fikiran dan usaha berterusan dalam memastikan sisi pendidikan dari peringkat rendah sehingga ke peringkat pengajian yang lebih tinggi perlu direalisasikan oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia.
- 2) Penubuhan institusi yang berorientasikan pembentukan, pemberian dan pemulihan akhlak yang lebih menyeluruh. Kewujudan pusat-pusat ini di kalangan komuniti amat ditagihkan dan dilihat amat relevan dengan situasi semasa. Usaha ini patut mendapat perhatian, sokongan dan bantuan dalam pelbagai aspek oleh masyarakat tidak kira sama ada ianya di bawah kendalian kerajaan ataupun badan bukan kerajaan (NGO). Walaupun di Malaysia telah wujud beberapa Pusat Perlindungan Wanita sebagai Pusat Pemulihan Akhlak Remaja yang memberi perlindungan dan bimbingan kepada remaja puteri yang menjadi mangsa gejala sosial atau terlibat dengan kesalahan akhlak, namun bilangannya perlu diperluaskan mengambilkira pertambahan kes dari semasa ke semasa. Rumah Perlindungan Wanita ini berusaha membantu remaja-remaja yang terlibat demi meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri untuk menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan agama melalui model latihan yang yang perlu dipatuhi oleh semua penghuninya.
- 3) Memastikan bagaimana kaedah terbaik bagi kesalahan akhlak yang boleh ditangani melalui pengetahuan undang-undang. Kajian yang memfokuskan Undang-undang Syariah ini mencadangkan supaya Undang-Undang tersebut diberi pendedahan kepada remaja agar mereka terdedah kepada cara hidup sempurna. Dalam usaha mencegah perbuatan salahlaku dan tingkahlaku negatif, pengetahuan terhadap undang-undang terus ditekankan melalui saranan supaya peraturan sekolah dimaklumkan kepada semua pelajar serta ibubapa mereka agar pelajar-pelajar menyedari bahawa di sekolah mereka adalah tertakluk kepada satu peraturan yang diterima sebagai norma budaya dan masyarakat setempat. Pengetahuan dan kesedaran tentang undang-undang mampu menimbulkan rasa tanggungjawab dan mengelakkan masalah sosial yang lebih besar.
- 4) Memastikan bagaimana kaedah bimbingan, pemantapan dan perlindungan mampu memelihara akhlak dan kesopanan individu dalam masyarakat. Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi menyatakan bahawa akhlak dan kesopanan dapat diterapkan dan dipelihara

melalui tiga kaedah iaitu bimbingan, pemantapan dan perlindungan. Bimbingan boleh dilakukan melalui penyebaran, publisiti, media penerangan, pengetahuan, dakwah dan tunjuk ajar, manakala pemantapan pula dilakukan melalui pengajaran jangkamasa panjang serta pendidikan yang mendalam sama ada di peringkat keluarga, sekolah dan universiti. Pandangan ulama' ini yang menjelaskan bahawa perlindungan boleh dilakukan antara lain melalui undang-undang yang dapat mencegah kerosakan sebelum ia berlaku serta menghukumnya setelah ia berlaku sebagai pengajaran terhadap orang yang menyeleweng, mendidik orang yang bermain dengan hukum dan membersihkan masyarakat dari sebarang pencemaran (Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi, 2012). Pandangan ini jelas mengiktiraf undang-undang sebagai saluran yang mampu memberi perlindungan kepada masyarakat daripada bahaya kesan kerosakan akhlak.

- 5) Mengumpulkan strategi dan usaha dalam membentuk masyarakat yang cakna dan perihatin dengan peraturan atau undang-undang seperti pengajuran kursus, ceramah dan penyampaian maklumat melalui media elektronik secara lebih berkesan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk mendapat pendedahan yang secukupnya.

Memastikan keberkesanan dalam hukuman yang ditetapkan, dan bukan sekadar hukuman yang ‘melepaskan batuk di tangga’ semata-mata. Zaini Nasoha (2008) dalam memetik pandangan Abd Qadir Audah, menekankan prinsip-prinsip hukuman berikut bagi memastikan keberkesanan dalam hukuman:

- i. Hukuman hendaklah menjadi pencegah perlakuan jenayah dan menjadi pengalaman yang memeritkan selepas penjenayah mengalaminya serta menjadi peringatan kepada orang lain supaya takut untuk melakukan kesalahan tersebut.
- ii. Batasan hukuman adalah berdasarkan keperluan masyarakat.
- iii. Sekiranya keperluan masyarakat terhadap kesan daripada sesuatu perbuatan jenayah itu sampai ke tahap perlu menghapuskan penjenayah atau menjauhkannya, maka hukuman yang sesuai dan perlu adalah hukuman mati atau penjara seumur hidup.
- iv. Setiap hukuman yang diperuntukan oleh syarak adalah untuk kebaikan individu dan melindungi masyarakat.
- v. Pelaksanaan sesuatu hukuman bukan bertujuan membala dendam

Prinsip-prinsip ini perlu diteliti bagi melihat sama ada hukuman sedia ada memenuhi prinsip tersebut. Hukuman yang tidak mematuhi prinsip-prinsip tersebut mungkin menyebabkan hukuman yang dijatuhkan akan menjadi sia-sia. Akhirnya, sesuatu kesalahan jenayah tidak akan berjaya ditangani.

KESIMPULAN

Akhlik merupakan satu perkara yang amat penting kepada setiap individu dan merupakan suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh setiap muslim. Islam menyenaraikan banyak saranan akhlak seperti perintah berbuat baik, menepati janji, sabar, jujur, takut kepada Allah SWT, bersedekah di jalan Allah, berlaku adil, pemaaf dan sebagainya untuk dijadikan landasan kehidupan muslim. Secara fitrahnya juga, tidak akan ada manusia yang membenci akhlak yang mulia dan memuji pula akhlak yang keji. Akhlak mulia akan sentiasa dipuji dan diingati manakala akhlak keji walaupun turut diingati tetapi disertai pula dengan kehinaan dan kebencian. Bak kata pepatah Melayu ‘Harimau mati tinggalkan belang, manusia mati tinggalkan nama’. Walaupun semua manusia secara umumnya mengetahui dan memahami prinsip ini tetapi masih ramai yang gagal merealisasikannya di dalam kehidupan mereka. Kewarasan dan keimanan diri manusia seringkali tertewas dengan bisikan iblis dan syaitan

serta godaan hawa nafsu. Inilah faktor utama mengapa majoriti umat manusia gagal untuk menilai baik dan buruk di dalam tindak-tanduk mereka.

Kajian ini mendapati bahawa kerosakan akhlak dalam kalangan remaja begitu membimbangkan dan boleh merencatkan kecemerlangan negara. Malahan jika ini tidak ditangani dengan bijaksana serta perancangan yang teliti pastinya akan mengancam keselamatan negara kerana elemen-elemen kesalahan akhlak ini boleh menjerumuskan seseorang itu ke arah kehancuran. Kecemerlangan yang dilaungkan dan digembar-gemburkan ketika ini tidak memberi apa-apa makna kiranya akhlak remaja tidak seiring dengan agenda untuk mencemerlangkan negara bangsa. Kesalahan akhlak pelbagai dalam kalangan remaja pada hari ini akan memberikan impak yang begitu besar dalam masyarakat. Remaja merupakan aset utama negara pada masa akan datang, memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan negara. Kesan jangka panjang dan jangka pendek pasti akan berlaku seandainya remaja pada hari ini tidak tahu bagaimana untuk membentuk dan memuliakan akhlak mereka. Akhlak merupakan peribadi dan cermin diri bagi seseorang individu. Kiranya individu itu mempunyai akhlak yang buruk, maka secara automatiknya peribadi individu itu juga akan menjadi buruk. Remaja yang mempunyai akhlak yang buruk boleh memberi kesan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, dan negara.

Inilah antara yang menjadi isu dan cabaran besar pemimpin dan semua pihak untuk menentukan negara dan rakyat benar-benar menepati kecemerlangan 58 tahun kemerdekaan. Dalam melahirkan kebanggaan, sebahagian rakyat khasnya golongan remaja terlibat dengan fenomena kesalahan akhlak yang amat menjijikkan dan boleh melemah dan meruntuhkan negara bangsa. Persoalan sejauhmana permasalahan ini telah berjaya ditangani atau mampukah ianya ditangani dengan baik wajib difikirkan secara serius oleh ramai pihak yang secara langsung atau tidak langsung bertanggungjawab mengubah senario ini daripada terus berlanjutan dan membarah dalam masyarakat Islam.

RUJUKAN

- Al-Tahir, Ahmad Al-Zawi (1992). *Tartib al-Qamus al-Muhith l-Tariqatu al-Misbah al-Munir wa Asasu al-Balaghah*. t.tp: Darul A'limu al-Kutub.
- Fiqh Jenayah, Siti Zalikhah Md Nor et al. Dewan Bahasa dan Pustaka 2008.
- Hurluck, Elizabeth B. 1973. *Adolescent development*. Amerika Syarikat: McGraw-Hill Inc
- Ibn Manzur, J. (1992). Lisan al-‘arab.
- Kamus Dewan Bahasa*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Medinnus, Gene R, Johnson, Ronald C. 1976. *Child and Adolescent phsycology*. Edisi kedua. New York:John Wiley & Sons, Inc.
- Mohamed Sofee Razak (2013) *Gejala Moral Remaja Ancaman Besar Negara*, Berita Harian 1 Mac 2013.
- Muhammad Naguib Al-Attas ([1976](#)). *Islām, the Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality: A Lecture Delivered on Monday the 5th of April 1976 to the International Islamic Conference Held Under the Auspices of the Islamic Council of Europe in the Hall of the Royal Commonwealth Society, London*
- Zaini Nasohah, Beberapa Aspek Mengenai Hukuman Jenayah dalam Islam. Al-Syariah Jilid 4.

Kes

- Abd Rahman & Anor v Pendakwa Hal Ehwal Terengganu* (1994) 10 JH 121.
- Pendakwa Syarie Kelantan v Yusundy Josan* (1994) 9 JH 206.
- Pendakwa Syarie Perak v Jaffary dan Hasliza* (1991) 8 JH 105
- Pendakwa Syarie Selangor v Fahyu Hanim, Noni Mohamad dan Sharina Shaari*, Jurnal Syariah 8:1 (2000) 137-155

Akta/Enakmen

- Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Kanak-Kanak 2001
- Akta Mahkamah Juvana 1947
- Akta Pekerjaan Kanak-Kanak Dan Orang Muda 1996
- Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (pindaan) (Kelantan) 1986
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003